

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 03/08/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 27

Tajuk : Perkuuh perniagaan sektor teknologi



ABDUL Fattah (tiga dari kiri) dan Denny (kanan) menurunkan tandatangan untuk MoU.

Perkuuh perniagaan sektor teknologi

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) dan Samsung Malaysia Electronics menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkuuh ekosistem perniagaan koperasi khususnya dalam sektor inovasi dan teknologi dengan membuka ruang untuk gerakan ini mempelbagaikan penawaran produk kepada pengguna dan ahlinya.

MoU itu ditandatangani Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah dan Presiden Samsung Malaysia Electronics, Denny Kim.

Abdul Fattah berkata, kerjasama itu tanda kepercayaan dan keyakinan yang diberikan peserta industri kepada Angkasa dan gerakan koperasi di samping

mengiktiraf potensi dan nilai yang besar dibawa gerakan koperasi kepada lanskap perniagaan.

Menurutnya, dalam fasa pertama kerjasama itu, koperasi boleh mendapatkan bekalan produk melalui sistem dalam talian iaitu JimatBiz pada harga lebih rendah daripada pasaran.

"Koperasi mempunyai kebebasan untuk menjual atau menyimpan barang berkenaan bergantung strategi perniagaan mereka," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, bagi fasa kedua dan seterusnya, pengguna boleh mendapatkan peranti melalui anak syarikat Angkasa, MyAngkasa Holdings Sdn Bhd selain pengguna mempunyai kemudahan membeli produk Samsung secara dalam talian.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA